

**KESEDIAAN BELAJAR DAN HUBUNGAN
DENGAN GAYA PEMBELAJARAN DALAM
KALANGAN PELAJAR TINGKATAN DUA
BAGI MATA PELAJARAN SEJARAH DI
SMK LIKAS, KOTA KINABALU.**

**DG NORIZAH BINTI
AG KIFLEE @ DZULKIFLI**



**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN
PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2008**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@**

JUDUL: Kesediaan Belajar dan Hubungan Dengan Gaya Pembelajaran Dalam Pelajar Tingkatan Dua Bagi Mata Pelajaran Sejarah Di SMK Likas, Kota Kinabalu.

IJAZAH: Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan)

SESI PENGAJIAN : DIS 2005 – JUN 2008

Saya, DG NORIZAH BINTI AG KIFLEE@DZULKIFLI mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. TIDAK TERHAD.


(TANDATANGAN PENULIS)

Disahkan Oleh,
 ANITA BINTI ARSAD
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap:

Tarikh : 27 Jun 2008

(Prof. Madya. Dr. Salleh Abd Rashid)

Tarikh : _____

CATATAN: @Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara Penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tarikh : 09 Mei 2008

Dg Norizah Binti Ag Kiflee @ Dzulkifli
PS05-006(K)-079



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : DG NORIZAH BINTI AG KIFLEE@DZULKILFI

NO. MATRIKS : PSO5-006(K)-079

TAJUK : KESEDIAAN BELAJAR DAN HUBUNGAN DENGAN
GAYA PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN
TINGKATAN DUA BAGI MATA PELAJARAN
SEJARAH DI SMK LIKAS, KOTA KINABALU.

IJAZAH : SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN
PENDIDIKAN)

TARIKH VIVA : 12 JUN 2008



DISAHKAN OLEH

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1. **PENYELIA**

PROF. MADYA DR. SALLEH ABD RASHID _____

2. **PEMERIKSA DALAM**

NAMA PEMERIKSA _____

3. **DEKAN/PENGARAH**

PROF. MADYA DR. ZULKIFLI MOHAMMED _____

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, saya Dg Norizah Binti Ag Kiflee @ Dzulkifli ingin mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dapat menyiapkan kajian ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Pensyarah Penyelia saya iaitu Prof. Madya Dr. Salleh Abd Rashid yang banyak membantu dan memberi semangat kepada saya dalam menyiapkan kajian saya ini.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan sejawat di SMK Likas yang sentiasa memberi sokongan untuk menyiapkan kajian ini. Ucapan terima kasih juga kepada rakan-rakan sekelas Kohort 10. Begitu juga pensyarah-pensyarah yang telah mendidik dan memberi ilmu kepada saya sepanjang Pengajian Sarjana di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah iaitu Prof. Madya Dr. Zulkifli, Prof. Madya Dr. Salleh Abd Rashid, Prof. Madya Dr. Vincent Pang, Dr. Mohd Yusof, Dr. Adam, Dr. Naimah, Dr. Sabariah, Dr. Salina dan CK Tan.

Akhir sekali ucapan terima kasih yang tidak terhingga atas doa dan dorongan kepada ayahanda Dzulkifli Hj Shahrin dan bonda, Nekmah Hj Esin San Tung dan ahli keluarga seperti Datu Lan, Rafiq, Lysa, Bibit, Idut, Ijam, Eyan, Ajim, Wah dan Ryna.

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti kesediaan belajar dan hubungan dengan gaya pembelajaran berdasarkan faktor demografi jantina dan tingkatan dalam kalangan pelajar tingkatan dua bagi Mata Pelajaran Sejarah di SMK Likas, Kota Kinabalu. Kajian ini juga dijalankan untuk mengenal pasti perbezaan kesediaan belajar dengan gaya pembelajaran berdasarkan faktor demografi jantina dan kelas dalam kalangan pelajar tingkatan dua bagi Mata Pelajaran Sejarah di SMK Likas, Kota Kinabalu Seramai 182 orang responden yang terlibat dalam kajian ini dengan 108 orang pelajar lelaki dan 74 orang pelajar perempuan tingkatan dua di SMK Likas, Kota Kinabalu. Responden telah diberikan satu set borang soal selidik yang mengandungi 3 bahagian. Bahagian A terdiri daripada 2 item soalan demografi mengenai jantina dan kelas. Bahagian B terdiri daripada 15 item soalan yang telah diubah daripada Mohd Yusof Noor dan *Student Online Readiness Tool* mengenai kesediaan belajar. Bahagian C terdiri daripada item 30 soalan yang telah diubahsuai daripada *Learning Style Questionnaires* mengenai gaya pembelajaran Honey dan Mumford, gaya pembelajaran Felder dan Solomon dan gaya pembelajaran Biggs. Sebanyak 11 hipotesis telah dikemukakan dalam kajian ini dan telah diuji dan diukur menggunakan kaedah statistik deskriptif, ujian t, ANOVA dan kolerasi pearson dengan paras signifikan $p < 0.05$. Hasil kajian ini mendapati kesediaan belajar dalam kalangan pelajar tingkatan dua di SMK Likas, Kota Kinabalu adalah tinggi berdasarkan dapatan min dan sisihan piawai.

**THE RELATIONSHIP BETWEEN LEARNING READINESS AND
STYLES OF LEARNING AMONG SECONDARY TWO STUDENTS
FOR HISTORY SUBJECT IN SMK LIKAS, KOTA KINABALU.**

ABSTRACT

This study has been conducted to recognize the relationship between the learning readiness and the styles of learning based on demographic factors such as gender and class of secondary two students for History subject in SMK Likas, Kota Kinabalu. The study is also to recognize the differences between learning readiness and style of learning based on demographic factors such as gender and class among secondary two students. There are 182 respondents involved in these study 108 males and 74 females. Respondents are given a set of questionnaires which consist of 3 sections. Section A contain of 2 items related to demographic factor such as gender and form are modified from Mohd Yusof Noor and the Student Online Readiness Tool. Section B has 15 items of learning readiness and section C comprises of 30 items of learning styles are modified from Honey and Mumford, Felder and Soloman and Biggs questionnaires. There are 11 hypotheses put forth in this study and has been measured by descriptive statistic method, T test, ANOVA and Pearson Correlation with the significant level $p < 0.05$. The result showed that learning readiness among the form two students are high based on mean and standard of deviation results.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SIMBOL	xvi
BAB1: PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang	2
1.3 Pernyataan Masalah	3
1.4 Tujuan Kajian	4
1.5 Objektif Kajian	5
1.6 Soalan Kajian	5
1.7 Hipotesis Kajian	6
1.8 Kepentingan Kajian	7
1.9 Skop Dan Batasan	8
1.10 Definisi Operasional	9
1.10.1 Kesediaan Belajar	9

1.10.2 Gaya Pembelajaran	9
1.10.3 Pelajar	10
BAB 2: SOROTAN LITERATUR	11
2.1 Pendahuluan	11
2.2 Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM)	12
2.2.1 Mata Pelajaran Sejarah	13
2.2.2 Matlamat	14
2.2.3 Objektif	15
2.2.4 Organisasi Kurikulum	15
2.3 Kesediaan Belajar	16
2.3.1 Konsep Kesediaan Belajar	18
2.3.2 Jenis Kesyediaan Belajar	19
2.4 Gaya Pembelajaran	23
2.4.1 Gaya Pembelajaran Kolb	24
2.4.2 Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn	28
2.4.3 Gaya Pembelajaran Honey dan Mumford	28
2.4.4 Gaya Pembelajaran Felder dan Solomon	31
2.4.5 Gaya Pembelajaran Biggs	34
2.5 Kajian Lepas Kesyediaan Belajar Dan Gaya Pembelajaran	36
2.5.1 Kajian Dalam Negara	36
2.5.2 Kajian Luar Negara	41
2.6 Kerangka Kajian	44
BAB 3 : METODOLOGI	45
3.1 Pendahuluan	45

3.2	Reka Bentuk Kajian	45
3.3	Instrumen	46
3.4	Populasi Dan Sampel Kajian	49
3.5	Kesahan Dan Kebolehpercayaan	50
3.6	Kajian Rintis	52
3.7	Ujian –t	53
3.8	ANOVA	53
3.9	Kolerasi Pearson	54
3.10	Prosedur Kajian	54
3.11	Penganalisaan Data	55
3.12	Kesimpulan	57
BAB 4:	DAPATAN KAJIAN	58
4.1	Pendahuluan	58
4.2	Analisis Awalan	58
4.3	Analisis Kesahan Dan Kebolehpercayaan	59
4.4	Profail Jantina Responden	59
4.5	Profail Kelas Dalam Tingkatan Responden	60
4.6	Analisis Min Dan Sisihan Piawai Kesiediaan Belajar Responden	60
4.7	Soalan Dan Hipotesis Kajian	61
4.7.1	Kesiediaan Belajar Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Dua Bagi Mata Pelajaran Sejarah	61
4.7.2	Analisis Kesiediaan Belajar Responden Keseluruhan	63
4.7.3	Jenis Gaya Pembelajaran Yang Diamalkan Dan Digemari Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Dua Bagi Mata Pelajaran Sejarah	63

4.7.4	Analisis Jenis-Jenis Gaya Pembelajaran Responden Keseluruhan	67
4.7.5	Perbezaan Kesianaan Belajar Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Dua Bagi Mata Pelajaran Sejarah berdasarkan Jantina	70
4.7.6	Perbezaan Gaya Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Dua Bagi Mata Pelajaran Sejarah berdasarkan Jantina	70
4.7.7	Perbezaan Kesianaan Belajar Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Dua Bagi Mata Pelajaran Sejarah berdasarkan Kelas dalam Tingkatan	71
4.7.8	Perbezaan Gaya Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Dua Bagi Mata Pelajaran Sejarah berdasarkan Kelas Dalam Tingkatan	72
4.7.9	Hubungan Antara Kesianaan Belajar dan Gaya Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Dua Bagi Mata Pelajaran Sejarah	73
4.7.10	Hubungan Antara Kesianaan Belajar dan Gaya Pembelajaran Aktivistik dalam kalangan Pelajar Tingkatan Dua Bagi Mata Pelajaran Sejarah	74
4.7.11	Hubungan Antara Kesianaan Belajar dan Gaya Pembelajaran Reflektif dalam kalangan Pelajar Tingkatan Dua Bagi Mata Pelajaran Sejarah	74
4.7.12	Hubungan Antara Kesianaan Belajar dan Gaya Pembelajaran Visual Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Dua Bagi Mata Pelajaran Sejarah	74
4.7.13	Hubungan Antara Kesianaan Belajar dan Gaya Pembelajaran Verbal Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Dua Bagi Mata Pelajaran Sejarah	75
4.7.14	Hubungan Antara Kesianaan Belajar dan Gaya Pembelajaran Dalaman Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Dua Bagi Mata Pelajaran Sejarah	75
4.7.15	Hubungan Antara Kesianaan Belajar dan Gaya Pembelajaran Mencapai Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Dua Bagi Mata Pelajaran Sejarah	76

4.8 Kesimpulan	77
BAB 5: RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	81
5.1 Pendahuluan	81
5.2 Rumusan Kajian	81
5.3 Perbincangan Hasil Kajian	82
5.3.1 Kesediaan Belajar Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Dua Bagi Mata Pelajaran Sejarah	82
5.3.2 Jenis Gaya Pembelajaran Yang Diamalkan dan Digemari dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Dua Bagi Mata Pelajaran Sejarah	83
5.3.3 Perbezaan Kesediaan Belajar Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Dua Bagi Mata Pelajaran Sejarah Berdasarkan Jantina	85
5.3.4 Perbezaan Gaya Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Dua Bagi Mata Pelajaran Sejarah Berdasarkan Jantina	86
5.3.5 Perbezaan Kesediaan Belajar Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Dua Bagi Mata Pelajaran Sejarah Berdasarkan Kelas Dalam Tingkatan	86
5.3.6 Perbezaan Gaya Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Dua Bagi Mata Pelajaran Sejarah Berdasarkan Kelas Dalam Tingkatan	87
5.3.7 Hubungan Antara Kesediaan Belajar Dengan Gaya Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajaran Tingkatan Dua Bagi Mata Pelajaran Sejarah	87
5.3.8 Hubungan Antara Kesediaan Belajar Dengan Gaya Pembelajaran Aktifis Dalam Kalangan Pelajaran Tingkatan Dua Bagi Mata Pelajaran Sejarah	89
5.3.9 Hubungan Antara Kesediaan Belajar Dengan Gaya Pembelajaran Reflektif Dalam Kalangan Pelajaran Tingkatan Dua Bagi Mata Pelajaran Sejarah	89
5.3.10 Hubungan Antara Kesediaan Belajar Dengan Gaya Pembelajaran Visual Dalam Kalangan Pelajaran	90

5.3.11	Tingkatan Dua Bagi Mata Pelajaran Sejarah Hubungan Antara Kesediaan Belajar Dengan Gaya Pembelajaran Verbal Dalam Kalangan Pelajaran Tingkatan Dua Bagi Mata Pelajaran Sejarah	91
5.3.12	Hubungan Antara Kesediaan Belajar Dengan Gaya Pembelajaran Dalaman Dalam Kalangan Pelajaran Tingkatan Dua Bagi Mata Pelajaran Sejarah	91
5.3.13	Hubungan Antara Kesediaan Belajar Dengan Gaya Pembelajaran Mencapai Dalam Kalangan Pelajaran Tingkatan Dua Bagi Mata Pelajaran Sejarah	92
5.4	Implikasi Kajian	92
5.4.1	Implikasi Kepada Penyelidikan	92
5.4.2	Implikasi Kepada Amalan Pengajaran Dan Pembelajaran	93
5.4.3	Implikasi Kepada Model Pembelajaran Dalam Kajian	98
5.5	Cadangan	99
5.6	Penutup	102
BIBLIOGRAFI		104
LAMPIRAN		
	Lampiran A : Instrumen Soal Selidik	114
	Lampiran B : Surat Penyemakan Soal Selidik Daripada Ketua Panitia Bahasa Malaysia	119
	Lampiran C : Borang Komen dan Ulasan Ketua Panitia Bahasa Malaysia	120
	Lampiran D : Laporan Keputusan Ujian Pertama Mata Pelajaran Sejarah Sesi Petang 2008	121

SENARAI JADUAL

Halaman

Jadual 1.1:	Laporan Keputusan Ujian Pertama Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan Dua Sesi Petang SMK Likas 2008	120
Jadual 2.1:	Pembahagian Mata Pelajaran KBSM Mengikut Kumpulan	12
Jadual 2.2:	Gaya Pembelajaran Kolb	25
Jadual 2.3:	Gaya Pembelajaran Honey Dan Mumford	28
Jadual 2.4:	Gaya Pembelajaran Biggs	36
Jadual 3.1:	Item Soalan Soal Selidik	47
Jadual 3.2:	Spesifikasi Instrumen Soal Selidik Gaya Pembelajaran	48
Jadual 3.3:	Skala Likert Soal Selidik Pelajar	49
Jadual 3.4:	Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie Dan Morgan	50
Jadual 3.5:	Ujian Kajian Rintis	52
Jadual 3.6:	Indeks Pekali Kolerasi Pearson	54
Jadual 3.7:	Tentatif Kerja	55
Jadual 3.7:	Definisi Skala Min Kesiediaan Belajar	56
Jadual 3.8:	Definisi Skala Min Gaya Pembelajaran Mengikut Keutamaan	56
Jadual 3.9:	Jadual Bentuk Analisis Data Bagi Setiap Hipotesis Kajian	56
Jadual 3.10:	Analisis Kesahan Dan Kebolehpercayaan Item	59
Jadual 4.2:	Taburan Responden Mengikut Jantina	59
Jadual 4.3:	Profail Responden Mengikut Kelas Dalam Tingkatan	60
Jadual 4.4:	Min Dan Sisihan Piawai Item Kesiediaan Belajar	60
Jadual 4.5:	Statistik Deskriptif Setiap Item Kesiediaan Belajar	61

Jadual 4.6:	Mengikut Frekuensi Dan Peratus Kesediaan Belajar Mengikut Min Dan Sisihan Piawai	63
Jadual 4.7:	Statistik Deskriptif Setiap Item Gaya Pembelajaran Mengikut Frekuensi Dan Peratus	64
Jadual 4.8:	Gaya Pembelajaran Mengikut Min Dan Sisihan Piawai	67
Jadual 4.9:	Ujian $-t$ Dan Perbezaan Kesediaan Belajar Berdasarkan Jantina	70
Jadual 4.10:	Ujian $-t$ Dan Perbezaan Gaya Pembelajaran Berdasarkan Jantina	70
Jadual 4.11:	Ujian ANOVA Dan Perbezaan Kesediaan Belajar Pelajar Tingkatan Dua Berdasarkan Kelas dalam Tingkatan	71
Jadual 4.12:	Ujian Post Hoc Dan Perbezaan Kesediaan Belajar Pelajar Tingkatan Dua Berdasarkan Kelas Dalam Tingkatan	71
Jadual 4.13	Ujian ANOVA Dan Perbezaan Gaya Pembelajaran Pelajar Tingkatan Dua Berdasarkan Kelas Dalam Tingkatan	72
Jadual 4.14:	Kolerasi Antara Kesediaan Belajar Dengan Gaya Pembelajaran Pelajar Tingkatan Dua	73
Jadual 4.15:	Kolerasi Antara Kesediaan Belajar Dengan Gaya Pembelajaran Aktivis	74
Jadual 4.16:	Kolerasi Antara Kesediaan Belajar Dengan Gaya Pembelajaran Reflektif	74
Jadual 4.17:	Kolerasi Antara Kesediaan Belajar Dengan Gaya Pembelajaran Visual	75
Jadual 4.18:	Kolerasi Antara Kesediaan Belajar Dengan Gaya Pembelajaran Verbal	75
Jadual 4.19:	Kolerasi Antara Kesediaan Belajar Dengan Gaya Pembelajaran Dalaman	76
Jadual 4.20:	Kolerasi Antara Kesediaan Belajar Dengan Gaya Pembelajaran Mencapai	76

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1: Gaya Pembelajaran Kolb	27
Rajah 2.2: Gaya Pembelajaran Honey dan Mumford	31
Rajah 2.3: Gaya Pembelajaran Felder Dan Solomon	33
Rajah 2.4: Konsep Gaya Pembelajaran Biggs	35
Rajah 2.5: Model Kerangka Kajian	43



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

ANOVA	- <i>Analysis Of Variances Test</i>
ELT	- <i>Experiential Learning Theory</i>
EPRD	- <i>Educational Planning and Research Division</i>
JPN	- Jabatan Pelajaran Negeri
KBSM	- Kurikulum Baru Sekolah Menengah
KBSR	- Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KLSI	- <i>Kolb Learning Style Inventory</i>
KPM	- Kementerian Pendidikan Malaysia
LSQ	- <i>Learning Style Questionnaire</i>
MFI	- <i>Malaysian France Institute</i>
NUS	- <i>National University Of Singapore</i>
PBKK	- Pembelajaran Bahasa Berbantuan Komputer
PIBG	- Persatuan Ibu Bapa Dan Guru
PIPP	- Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PJJ	- Pendidikan Jarak Jauh
PMR	- Peperiksaan Menengah Rendah
PPG	- Pejabat Pelajaran Gabungan
SAGA	- <i>Smart Action For Golden Achievement</i>
SMA	- Sekolah Menengah Atas
SMK	- Sekolah Menengah Kebangsaan
SMR	- Sekolah Menengah Rendah
SPSS	- <i>Statistical Packages For Sosial Science</i>
UKM	- Universiti Kebangsaan Malaysia
UTM	- Universiti Teknologi Mara

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pendidikan di negara kita sedang berkembang dengan pesat. Pihak kerajaan melalui Kementerian Pelajaran senantiasa memberi perhatian tentang perubahan dan perkembangan semasa yang berlaku dalam arena pendidikan. Perubahan-perubahan dan perkembangan sering mempunyai implikasi atau kesan secara langsung atau tidak langsung kepada sistem pendidikan negara. Selaras dengan itu, pada tahun 2006 Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah melancarkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 yang menekankan enam teras strategik serta satu pelan tindakan yang komprehensif dan bersepadu. Ia juga berhasrat melahirkan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran, yang mampu berdaya saing dan yang bersifat menyeluruh, progresif, bermoral dan beretika tinggi. Sejalan dengan itu, institusi pendidikan memainkan peranan yang cukup besar dalam mendidik ke arah memenuhi matlamat dan hasrat Falsafah Pendidikan Negara. Matlamat utama institusi pendidikan adalah untuk menyediakan dan melengkapkan pelajar dalam menghadapi pekerjaan dan dunia sebenar.

Bagi memastikan sekolah melaksanakan tugas ini dengan baik, maka prestasi anak didiknya dijadikan kayu pengukur. Ilmu pengetahuan yang diperoleh melalui proses pembelajaran adalah suatu perkara yang penting kepada semua pelajar sebelum mereka menjejakkan kaki ke alam pekerjaan. Sekolah juga merupakan satu institusi yang penting dalam membentuk generasi yang diingini dalam sesebuah negara. Selaras dengan wawasan 2020, peranan pendidikan untuk merealisasikan perubahan dan pencapaian Malaysia menjadi negara maju sepenuhnya merupakan agenda yang begitu mencabar dan kritikal.

1.2 Latar Belakang

Berdasarkan keputusan peperiksaan Penilaian Menengah Rendah dan Sijil Pelajaran Malaysia, didapati bilangan pelajar yang lulus telah bertambah dari tahun ke setahun. Walau bagaimanapun, sejumlah besar daripada pelajar yang lulus berada di peringkat sederhana sahaja. Dengan erti kata lain, keputusan peperiksaan mereka tidak begitu baik, Keadaan yang sama juga terdapat di Sekolah Menengah Kebangsaan Likas. Walaupun pelbagai usaha telah dan terus dijalankan serta dipertingkatkan oleh pihak pentadbir sekolah bagi memenuhi kehendak pendidikan dalam meningkatkan prestasi akademik pelajar. Antara usahanya ialah mengadakan kursus-kursus motivasi seperti bengkel-bengkel teknik menjawab soalan, seminar motivasi, ceramah-ceramah dan sebagainya. Sekolah juga mengadakan kelas tambahan untuk pelajar-pelajar. Namun masih ramai di antara pelajar yang mencapai tahap kelulusan yang mendatar dan rendah. Apakah permasalahan-permasalahan tersebut dipengaruhi oleh perbezaan kesediaan belajar dan gaya pembelajaran para pelajar?

Sejak tahun 1850, beberapa pakar tentang teori pembelajaran telah mengkaji tentang fenomena pembelajaran dan mengaplikasikan teori pembelajaran tersebut di dalam bilik darjah. Antaranya ialah Teori Pembelajaran Behavioris oleh Pavlov, Thorndike, dan Skinner, Teori Pembelajaran Kognitif oleh Kohler, Gagne, Bruner dan Ausubel, Teori pembelajaran Sosial oleh Bandura, Teori Humanis oleh Rogers dan banyak lagi teori pembelajaran yang telah diaplikasikan dalam pembelajaran. Di setiap sekolah terdapat pelbagai cara pembelajaran di kalangan pelajar seperti membaca, memerhati, berbincang, perlakuan, pembelajaran secara sendiri, pembelajaran secara berkumpulan, belajar dalam keadaan tenang, pembelajaran dengan memasang muzik dan sebagainya. Lantaran daripada itulah wujudnya lebih ramai penyelidik yang mengkaji mengenai kesediaan belajar dan gaya pembelajaran pelajar.

Menurut Honey dan Mumford (1992), pembelajaran telah berlaku apabila manusia boleh mempamerkan sesuatu yang baru, sama ada dalam bentuk pemahaman, kesedaran, kemahiran. Dalam proses pembelajaran ini terdapat beberapa kecenderungan yang dimiliki dan diamalkan oleh individu. Kecenderungan ini termasuklah kecenderungan untuk memiliki pengalaman semasa mempelajari sesuatu, kecenderungan untuk mengimbas kembali, kecenderungan untuk membuat kesimpulan dan kecenderungan memastikan implementasi. Hargreaves (1996),

pembelajaran sebenarnya tiada hubungan dengan penambahan pengetahuan, mengingat semula apa yang telah dipelajari.

Sebaliknya pembelajaran berkaitan dengan kefahaman prinsip-prinsip dan konsep-konsep asas yang boleh diaplikasikan kepada situasi dunia sebenar, pembelajaran perlu dilihat sebagai perubahan kualitatif seseorang melihat, mengalami, memahami, dan menghayati sesuatu di dunia realiti. Pembelajaran ialah proses mental atau fizikal yang membawa kepada perubahan dalam tingkah laku. Kebijaksanaan bukan suatu elemen yang statik tetapi adalah satu sistem dinamik, terbuka yang sentiasa berkembang sepanjang hayat. Kebanyakan proses pembelajaran yang signifikan adalah daripada apa yang telah kita lakukan iaitu melalui tindakan dan pemerhatian. Pemahaman guru mengenai proses pembelajaran amat penting dan sangat bermanfaat. Proses pembelajaran melibatkan banyak elemen di dalamnya. Setiap elemen memainkan peranan semasa proses pembelajaran sedang berlaku. Selain itu, terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi proses pembelajaran. Antara faktor yang penting dalam proses pembelajaran adalah kesediaan belajar dan gaya pembelajaran.

1.3 Pernyataan Masalah

Berdasarkan kepada keputusan Peperiksaan Ujian Pertama 2008 tingkatan dua, Mata Pelajaran Sejarah menunjukkan peratusan yang tidak memuaskan pihak sekolah (rujuk Jadual 1.1 dalam Lampiran D). Keadaan ini amat membimbangkan pihak pentadbir kerana pelajar tingkatan dua inilah yang akan menyumbang prestasi sekolah dalam keputusan PMR 2009. Adakah pelajar tidak berminat untuk mempelajari Mata Pelajaran Sejarah? Adakah kesediaan belajar dan gaya pembelajaran pelajar mempengaruhi minat kepada mata pelajaran ini? Lantaran daripada itulah, penyelidik ingin mengenal pasti hubungan kesediaan belajar dan gaya pembelajaran pelajar bagi Mata Pelajaran Sejarah.

Kesediaan belajar amat penting dalam menjamin keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (Ainon dan Abdullah Hassan, 2003). Kesediaan belajar merangkumi kesediaan sikap, perasaan dan nilai seseorang individu terhadap pelajaran yang diikutinya. Biasanya sikap yang baik terhadap sesuatu pembelajaran itu akan membolehkan peningkatan kadar pembelajaran tersebut tetapi sebaliknya jika pandangan dan sikap yang dihadapkan kurang baik, maka kadar pembelajaran individu tersebut akan menurun.

Sering kita lihat, individu yang tidak mempunyai sikap dan nilai yang positif terhadap pembelajaran, menunjukkan sikap sambil lewa dan keberatan untuk memainkan peranan secara aktif. Hal ini akan menjadi bertambah jika individu tersebut membiarkan dirinya dikuasai atau dipengaruhi oleh sikap tersebut. Berdasarkan kepada pemerhatian biasa, individu-individu yang seperti ini tidak mempunyai potensi untuk menunjukkan prestasi yang baik kerana sikap negatif yang berterusan itu telah mewujudkan satu sentimen yang menyebabkan individu tersebut terus membenci pelajaran yang disampaikan kepadanya.

Sebaliknya, apabila seseorang individu itu benar-benar ingin mencapai matlamatnya, iaitu apabila sikap dan motif yang benar-benar mendorongnya sedia ada, maka pembelajaran individu tersebut akan mudah tercapai. Keadaan ini akan menjadi lebih baik jika pembelajaran itu disertakan dengan motivasi yang tinggi.

Kesediaan pembelajaran ini agak jelas apabila Thorndike menganggap kesediaan belajar sebagai satu aset pelajar atau sikap, iaitu persediaannya untuk bertindakbalas dengan rangsangan yang disajikan. Ini bermakna sesuatu gerak balas itu harus ada dalam keupayaan murid-murid sebelum mereka mula belajar. Ini melibatkan peranan, minat, sikap dan nilai yang sedia ada dalam diri mereka.

Gaya pembelajaran yang diamalkan oleh setiap individu adalah berbeza di antara satu sama lain. Seseorang pelajar mula membentuk gaya pembelajaran sejak awal kanak-kanak. Selepas itu, dia akan terus menggunakan gaya pembelajaran tersebut. Gaya pembelajaran yang diamalkan oleh seseorang pelajar, mungkin dipengaruhi oleh faktor-faktor tertentu. Antara faktor yang penting ialah kesediaan (Shahabuddin Hashim, Mahani Razali dan Ramlan Jantan, 2004). Selain itu menurut Dunn dan Dunn (1992), elemen-elemen yang mempengaruhi gaya pembelajaran para pelajar adalah seperti persekitaran, emosi, sosiologi, fisiologi dan psikologi. Ekoran daripada itu, kajian dilakukan untuk mengetahui sama ada terdapat hubungan kesediaan belajar dan gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar tingkatan dua bagi Mata Pelajaran Sejarah di SMK Likas.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini secara umumnya adalah untuk mengenal pasti kesediaan belajar dan hubungan dengan gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar tingkatan dua bagi Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah Menengah Kebangsaan Likas.

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesediaan belajar dan gaya pembelajaran yang diamalkan di kalangan pelajar tingkatan dua di SMK Likas. Kajian ini juga untuk mengenal pasti hubungan kesediaan belajar dan gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar tingkatan dua bagi Mata Pelajaran Sejarah. Secara khususnya, objektif kajian adalah untuk mengenal pasti:

- 1.5.1 Kesediaan belajar dalam kalangan pelajar tingkatan dua bagi Mata Pelajaran Sejarah.
- 1.5.2 Perbezaan kesediaan belajar dalam kalangan pelajar tingkatan dua bagi Mata Pelajaran Sejarah berdasarkan jantina.
- 1.5.3 Perbezaan gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar tingkatan dua bagi mata pelajaran sejarah berdasarkan jantina.
- 1.5.4 Perbezaan kesediaan belajar dalam kalangan pelajar tingkatan dua bagi Mata Pelajaran Sejarah berdasarkan kelas dalam tingkatan.
- 1.5.5 Perbezaan gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar tingkatan dua bagi Mata Pelajaran Sejarah berdasarkan kelas dalam tingkatan.
- 1.5.6 Hubungan antara kesediaan belajar dengan gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar tingkatan dua bagi Mata Pelajaran Sejarah.
- 1.5.7 Gaya pembelajaran yang diamalkan serta digemari oleh pelajar-pelajar tingkatan dua dalam Mata Pelajaran Sejarah.

1.6 Soalan Kajian

Secara khususnya, matlamat kajian adalah untuk mendapatkan jawapan terhadap beberapa soalan berikut:

- 1.6.1 Apakah kesediaan belajar dalam kalangan pelajar tingkatan dua bagi Mata Pelajaran Sejarah?
- 1.6.2 Adakah terdapat perbezaan kesediaan belajar dalam kalangan pelajar tingkatan dua bagi Mata Pelajaran Sejarah berdasarkan jantina?
- 1.6.3 Adakah terdapat perbezaan gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar tingkatan dua bagi Mata Pelajaran Sejarah berdasarkan jantina?
- 1.6.4 Adakah terdapat perbezaan kesediaan belajar dalam kalangan pelajar tingkatan dua bagi Mata Pelajaran Sejarah berdasarkan kelas dalam tingkatan?

- 1.6.5 Adakah terdapat perbezaan gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar tingkatan dua bagi Mata Pelajaran Sejarah berdasarkan kelas dalam tingkatan?
- 1.6.6 Adakah terdapat hubungan antara kesediaan belajar dengan gaya pembelajaran dalam kalangan pelajaran tingkatan dua bagi Mata Pelajaran Sejarah?
- 1.6.7 Apakah jenis gaya pembelajaran yang diamalkan serta digemari bagi Mata Pelajaran Sejarah dalam kalangan pelajar tingkatan dua?

1.7 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian biasanya digunakan dalam kajian kuantitatif untuk menyatakan perhubungan dan perbezaan antara variabel-variabel. Ia merupakan ramalan pengkaji tentang perhubungan atau perbezaan yang mungkin wujud antara variabel-variabel. Ia merupakan ramalan tentang apa yang dijangkakan oleh pengkaji mengenai isu atau masalah kajian. Selain itu, ia juga merupakan ramalan yang dibuat oleh pengkaji tentang sesuatu perhubungan atau perbezaan dalam penyelidikan inferensi sebelum data dipungut (Chua Yan Piaw, 2006). Berikut adalah hipotesis yang dibina dalam kajian ini :

- Ho1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kesediaan belajar pelajar tingkatan dua berdasarkan jantina.
- Ho2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan gaya pembelajaran pelajar tingkatan dua berdasarkan jantina.
- Ho3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kesediaan belajar pelajar tingkatan dua berdasarkan kelas dalam tingkatan.
- Ho4 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan gaya pembelajaran pelajar tingkatan dua berdasarkan kelas dalam tingkatan.
- Ho5 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan belajar dengan gaya pembelajaran pelajar tingkatan dua dalam Mata Pelajaran Sejarah.
- Ho6 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan belajar dengan gaya pembelajaran aktivis pelajar tingkatan dua dalam Mata Pelajaran Sejarah.
- Ho7 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan belajar dengan gaya pembelajaran reflektif pelajar tingkatan dua dalam Mata Pelajaran Sejarah.

- Ho8 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan belajar dengan gaya pembelajaran visual pelajar tingkatan dua dalam Mata Pelajaran Sejarah.
- Ho9 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan belajar dengan gaya pembelajaran verbal pelajar tingkatan dua dalam Mata Pelajaran Sejarah.
- Ho10 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan belajar dengan gaya pembelajaran dalaman pelajar tingkatan dua dalam Mata Pelajaran Sejarah.
- Ho11 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan belajar dengan gaya pembelajaran mencapai pelajar tingkatan dua dalam Mata Pelajaran Sejarah.

1.8 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini dapat digunakan oleh pihak sekolah sebagai panduan yang boleh mengenal pasti kesediaan belajar pelajar dan ini dapat membantu pihak sekolah untuk mengetahui gaya pembelajaran pelajar dalam Mata Pelajaran Sejarah. Ini dapat membantu para pelajar untuk memperoleh pencapaian akademik yang cemerlang dalam Mata Pelajaran Sejarah. Melalui kajian ini juga dapat membantu pihak sekolah untuk melihat sama ada kesediaan belajar mempunyai perkaitan terhadap gaya pembelajaran pelajar bagi Mata Pelajaran Sejarah.

Dapatan kajian ini boleh membantu pelajar mengenal pasti kesediaan belajar mereka dan gaya pembelajaran yang dapat meningkatkan kefahaman pelajar dalam Mata Pelajaran Sejarah. Dengan mengenal pasti sesuatu gaya pembelajaran, pelajar dapat mengeksplotasikan kekuatan yang terdapat dalam gaya pembelajaran tertentu. Selain itu, ia juga dapat digunakan oleh pelajar untuk memperbaiki kelemahan yang terdapat dalam gaya pembelajaran mereka.

Melalui kaedah ini juga pelajar dapat merancang pembelajaran mereka berasaskan kemampuan diri dan kelebihan yang terdapat pada diri mereka. Selain itu, para pelajar juga dapat mengetahui sejauhmana tahap kesediaan pembelajaran mereka. Di samping itu, guru dapat mempelbagaikan teknik, pendekatan pengajaran, bahan dan aktiviti mengikut aspirasi murid dan memantapkan lagi kaedah pengajaran mereka. Ia juga dapat memenuhi kriteria yang diperlukan oleh pelajar agar sesuai dengan strategi belajar pelajar.